

**SOALAN LAZIM (FAQ)  
BERKAITAN PELAKSANAAN SECARA ATAS TALIAN  
BAGI URUSAN PERMOHONAN SALINAN SAH  
PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN WPKL**

**1) Adakah urusan permohonan salinan sah perlukan pelanggan untuk mempunyai akaun awam e-Tanah?**

Ya, pelanggan perlu mendaftar Akaun Pengguna di Portal Awam e-Tanah PPTGWPKL sebelum dapat membuat sebarang urusan.

<https://www.ptgwp.gov.my/etanh-awam/AwamLoginForm.xhtml?target=kl>

**2) Apakah langkah seterusnya setelah mendaftar akaun awam di Portal e-Tanah PPTGWPKL?**

Langkah seterusnya ialah pelanggan perlu ke kaunter PPTGWPKL untuk membuat pengesahan biometrik dan selesai urusan pendaftaran akaun pengguna.

**3) Apakah urusan permohonan salinan sah yang boleh dibuat secara dalam talian?**

Berikut adalah urusan permohonan salinan sah yang boleh dibuat di Portal Awam:

- a) Salinan Sah Hakmilik**
- b) Salinan Sah Dokumen**
- c) Salinan Sah Suratcara/Borang**
- d) Salinan Sah Suratkuasa Wakil**
- e) Salinan Sah Surat Amanah**

**4) Apakah cara pembayaran bagi permohonan secara dalam talian?**

Cara pembayaran hanya FPX sahaja.

**5) Berapa lamakah permohonan akan diproses selepas membuat pembayaran?**

Permohonan akan diproses dalam masa 3 hari bekerja.

**6) Bolehkah pelanggan memohon lebih dari satu (1) dokumen salinan sah dalam satu permohonan?**

Boleh, Pelanggan boleh memohon lebih dari satu (1) dokumen salinan sah dalam satu permohonan.

**7) Berapakah maksima bilangan permohonan salinan sah yang boleh dibuat oleh pelanggan di Portal Awam?**

Tiada bilangan khusus atau had maksima bagi permohonan salinan sah di Portal Awam.

**8) Bagaimanakah pelanggan ingin menyemak maklumat status proses carian salinan sah?**

Pelanggan boleh membuat semakan status proses di Portal Awam atau melalui e-semakan.

**9) Apakah medium makluman bagi pelanggan untuk mendapat maklumat bahawa dokumen salinan sah telah selesai diproses dan sedia untuk dimuat turun?**

Pelanggan akan menerima notifikasi melalui emel dan juga di Portal Awam.

**10) Bagaimanakah cara pelanggan ingin memuat turun dan mencetak dokumen salinan sah?**

Pelanggan boleh muat turun untuk simpanan dan mencetak dokumen carian salinan sah di Portal Awam.